

# PERKEMBANGAN

BAGAIMANA MENDIDIK ANAK-ANAK

# AWAL

# KANAK-KANAK

ketahap maksimum





# PERKEMBANGAN AWAL KANAK-KANAK

**P**erkembangan awal kanak-kanak bukan hanya merujuk kepada pembentukan fizikal tetapi juga pertumbuhan emosi, sosial dan mental.

**P**erasaan dan kasih sayang yang ditunjukkan kepada bayi melalui pelukan dan belaian mesra sangat berguna kerana ia membuat bayi rasa selamat dan disayangi. Ibu bapa dapat memberi perhatian agar anak-anak boleh berkembang ke tahap maksimum sekiranya mereka tahu keperluan kanak-kanak yang sedang membesar.

1

K

## ANAK-KANAK BELAJAR MENGENALI DUNIA MELALUI LIMA PANCAINDERA IAITU SENTUHAN, PENGLIHATAN, PENDENGARAN, RASA DAN MENGHIDU



**S**etiap pancaindera ini mula berfungsi apabila kanak-kanak itu lahir ke dunia.

**K**anak-kanak merasa selamat apabila disentuh dan dibelai. Malah sebelum ia pandai bercakap, sentuhan fizikal inilah menjadi saluran komunikasi antara dia dan ibubapanya. Sifat kasih sayang akan membentuk keperibadian dan mental yang baik kepada kanak-kanak.



**P**erhubungan mata di antara kanak-kanak dan orang dewasa bermula sejak mereka bayi lagi. Bayi lazimnya lebih gemar melihat manusia daripada melihat objek-objek kaku sebab itu bayi lebih cepat mengenali wajah manusia dari rupa objek.

**O**leh itu, apabila bayi anda melihat anda, balaslah pandangannya kerana hubungan mata akan membantu merangsang minat bayi itu terhadap alam di sekelilingnya. Ia juga dapat menjalinkan hubungan yang lebih mesra serta membentuk naluri ingin tahu dan kecerdasan di dalam diri bayi itu.

**K**anak-kanak akan berasa sedih jika tidak diberikan perhatian. Kanak-kanak yang terabai akan hilang minat mengenai kehidupan, kurang selera makan dan ini boleh menggugat pertumbuhan mental dan fizikalnya.



2

R

## ANGSANG KANAK-KANAK BERCAKAP LEBIH MELALUI PERBUALAN

**S**ejak lahir, bayi terdedah kepada tingkah laku dan perlakuan orang disekelilingnya. Menyanyi dan bercerita akan membantu pertumbuhan otak kanak-kanak.

**B**ayi akan bertindak balas dengan cara dan gayanya tersendiri sekiranya anda berbual dengannya. Ajar mereka perkataan-perkataan seperti ma-ma, pa-pa, da-da dan sebagainya.

**D**edahkan mereka kepada bunyi-bunyi seperti salakan anjing, hon kereta atau "meow" kucing.





**P**engembangan otak kanak-kanak dapat diperluas dengan menunjuk dan memberitahunya nama-nama objek yang ditunjukkan kepadanya atau yang disentuh kepadanya seperti, ini jam tangan, ini kereta, ini hidung dan sebagainya.

**P**ada peringkat awal, kanak-kanak yang hampir mencapai umur setahun akan cuba berbual dengan ibubapanya melalui pergerakan badan atau tangisan kecil.

Pada peringkat ini, ibubapa hendaklah cuba menerangkan kepada kanak-kanak itu apa yang dia maksudkan dan menunjuk dia dengan bahasa pertuturan yang betul.

Ini akan membina asas bagi kanak-kanak itu belajar menggunakan perkataan.





**P**enting bagi kita untuk memahami bahawa tidak semua kanak-kanak mempunyai kemampuan bercakap pada masa yang sama, begitu juga bagi kanak-kanak yang baru belajar berjalan. Seseorang daripada mereka mengambil masa lebih sedikit daripada yang lain.

**B**eri mereka dorongan dengan menunjukkan minat apabila kanak-kanak cuba menyebut sesuatu perkataan. Berikan pujian dan tunjuk kegembiraan tetapi jangan pula menghukum mereka kerana tersalah sebut perkataan tertentu.

**K**etika membaca dan bercerita, elakkan cerita-cerita yang negatif kerana ia tidak akan membantu proses pembelajaran mereka.


Daya khayalan kanak-kanak juga boleh dikembangkan dengan menunjukkan minat terhadap apa yang mereka lakukan.



# 3

# P

## ERMAINAN YANG MENGGALAKKAN PEMBELAJARAN



**B**ermain tidak merugikan kerana ia satu proses yang penting dalam pertumbuhan kanak-kanak. Apabila kanak-kanak bermain, pemikirannya akan menjadi lebih kreatif dan ini sudah tentu akan mengembangkan lagi kemahirannya. Bermain juga menggalakkan sikap ingin tahu dan memupuk keyakinan diri.

**B**eri kanak-kanak kebebasan untuk menerokai alam sekelilingnya semasa bermain. Jangan mengongkong mereka sehinggakan kanak-kanak itu merasa takut untuk bergerak lebih jauh dari biasa. Awasi pergerakannya bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.



**I**bubapa tidak perlu mendapatkan permainan yang mahal untuk menggalakkan kanak-kanak bermain. Apa sahaja boleh dijadikan alat permainan termasuk barangan plastik dan bekas-bekas kosong, asalkan ianya sesuai dengan umur, boleh membentuk imaginasi, selamat dan bersih.



**P**astikan tempat permainan kanak-kanak mempunyai ruang yang cukup bagi pergerakan mereka dan hendaklah jauh daripada soket elektrik, gas, benda-benda berat dan bahan-bahan yang bahaya.

**A**pabila kanak-kanak bermain, perhatikan kreativiti mereka dengan penuh minat. Kanak-kanak yang tinggal di bandar juga perlu didedahkan dengan alam sekitar seperti langit yang biru, alam yang hijau serta bermain di bawah sinaran matahari.





# 4 **A**KTIVITI HARIAN SEBAGAI ASAS PENDIDIKAN SOSIAL

**G**unakan masa lapang anda untuk melatih anak-anak cara duduk dan berjalan yang betul serta menunjuk-ajar mereka mengenai perkara-perkara tertentu.

**G**ula-gulá dan coklat tidak harus diberikan sebagai tanda kasih sayang atau sebagai hadiah kerana ia akan merosakkan gigi dan membentuk amalan pemakanan yang tidak baik



**K**anak-kanak tidak harus dipaksa supaya bertindak pantas sebagaimana yang dikehendaki oleh ibubapa. Lebih baik jika kanak-kanak dibiarkan membuat sesuatu mengikut caranya tersendiri walaupun perlahan.



**W**aktu bercerai susu juga perlu dilakukan dengan cara yang mudah dan sebaik mungkin elak daripada menghukum kanak-kanak agar tidak timbul kesan buruk.

**K**anak-kanak tidak boleh diajar menggunakan tandas dengan cara paksaan. Ajarlah menggunakan tandas apabila mereka sudah boleh duduk sendiri. Setelah ini berjaya dilakukan, ajarlah mereka supaya membasuh tangan selepas keluar dari tandas, dan sebelum makan dan memberus gigi.

# 5

# L

## AYANAN KONSISTEN DARIPADA IBUBAPA PENTING UNTUK KANAK-KANAK



Layanan ibubapa yang konsisten akan mendorong kanak-kanak merasa lebih selamat dan yakin. Sikap ibubapa yang tidak menentu dalam memberi layanan kepada kanak-kanak akan menyebabkan mereka cepat menjadi marah dan selalu cemas. Kanak-kanak akan mengalami masalah sekiranya layanan ibubapa berubah dari sehari ke sehari. Kadangkala mereka boleh menjadi keliru dan takut.

**S**ikap ibubapa yang secara tiba-tiba berubah dari memanjainya kepada menghukumnya akan menimbulkan perasaan tidak selamat dan takut dalam diri mereka. Cara mendisiplinkan anak harus dilakukan beransur-ansur agar mereka faham tujuannya.

**M**emukul akan hanya membuat kanak-kanak menjadi marah dan degil serta mengakibatkan perasaan memberontak dalam hati mereka.

**B**erilah mereka pujian dan sanjungan atas usaha mereka. Berilah mereka ganjaran kerana berkelakuan baik.





# 6

# K

## ECACATAN YANG DIKESAN DI PERINGKAT AWAL MENJAMIN TINDAKAN AWAL



**S**eperti kanak-kanak lain, kanak-kanak cacat juga perlu disayangi dan harus diterima oleh keluarga dan masyarakat.

**P**roses pembesaran mereka tidak menentu kerana ada yang cepat dan ada yang lambat. Iubapa yang mempunyai anak-anak yang cacat perlu tahu perkara ini dan sedia menerima hakikat sekiranya ada di kalangan anak-anak mereka ini tidak mencapai peringkat pertumbuhan sewajarnya.

**B**agaimanapun, kanak-kanak cacat juga boleh belajar dan menceburi pelbagai aktiviti.

PENCAPAIAN KANAK-KANAK  
MENGIKUT UMUR ADALAH SEPERTI BERIKUT:

|                               |   |               |
|-------------------------------|---|---------------|
| Senyum                        | : | 6 minggu      |
| Melihat                       | : | 2 bulan       |
| Memusing kepala ke arah bunyi | : | 3.5 – 8 bulan |
| Duduk tanpa dibantu           | : | 9 bulan       |
| Berjalan tanpa dibantu        | : | 18 bulan      |
| Menyebut perkataan            | : | 21 bulan      |
| Membuat ayat                  | : | 36 bulan      |

**J**ika kanak-kanak tidak dapat melakukan lebih daripada dua perkara di atas apabila mencapai umur yang ditetapkan, ibubapa perlu mendapatkan bantuan profesional.

**U**ntuk mengetahui sama ada seseorang kanak-kanak itu pekak, perhatikan tindakbalasnya apabila namanya dipanggil. Jika ia tidak memberi tindakbalas, bawalah dia ke hospital atau klinik untuk pemeriksaan.

**M**asalah rabun mata boleh dikesan dengan melihat tindakbalas kanak-kanak itu kepada objek-objek yang bergerak. Jika mata mereka tidak mengikut pergerakan objek tersebut, bawalah mereka berjumpa doktor.







**P**usat-pusat kesihatan dan klinik menyediakan perkhidmatan pemeriksaan mengikut jadual seperti berikut:

|                    |   |                 |
|--------------------|---|-----------------|
| Umur bawah 6 bulan | : | setiap bulan    |
| 6 - 12 bulan       | : | setiap 2 bulan  |
| 1 - 2 tahun        | : | setiap 3 bulan  |
| 2 - 4 tahun        | : | setiap 6 bulan  |
| 4 - 6 tahun        | : | setiap 12 bulan |



Diterbitkan oleh:  
Unit Pendidikan Kesihatan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

